

# **Faktor Pemilihan Pekerjaan dalam Kalangan Prasiswazah: Kajian di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia**

*Job Selection Factors Among Graduate Students: A Study in the Faculty of Engineering  
and Architecture in National University of Malaysia*

Fatin Noor Amirah Binti Mamat  
<sup>1</sup>Ishak Bin Abd Rahman

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>Correspondence: haq@ukm.edu.my

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan dalam kalangan pelajar prasiswazah di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Kajian ini dijalankan dengan melihat faktor minat, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor bakat yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan pelajar. Responden kajian ini adalah terdiri dari 104 orang pelajar dalam pelbagai bidang kursus. Rekabentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan analisis kebolehpercayaan, analisis deskriptif, analisis korelasi Pearson dan analisis regresi berbilang. Satu set borang soal-selidik secara 'online' telah diedarkan kepada responden bagi mengumpul data dan maklumat yang diperlukan. Data yang terkumpul telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS). Hasil dapatan menunjukkan faktor minat mempengaruhi pemilihan pekerjaan dalam kalangan pelajar prasiswazah di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM.*

**Kata kunci:** faktor pemilihan pekerjaan, minat, keluarga, rakan sebaya, bakat

## **ABSTRACT**

*This study aims to identify factors affecting job selection among undergraduate students at the Faculty of Engineering and Architecture, National University of Malaysia, Bangi. This study was carried out by looking at the factors of interest, family factors, peer factors and talent factors that influence the selection of student work. The respondents of this study were 104 students in various courses. The research design is quantitative by using reliability analysis, descriptive analysis, Pearson correlation analysis and multiple regression analysis. A set of questionnaires online was distributed to respondents to collect the required data and information. The collected data were analyzed using Statistical Packages for the Social Science (SPSS) software. The findings show that interest factors influence job selection among undergraduates at the Faculty of Engineering and Architecture UKM.*

**Keywords:** job selection factor, interest, family, peer group, talent.

## **1. Pengenalan**

Daripada Laporan Perangkaan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan yang disiarkan pada 21 November 2013, pasaran buruh menunjukkan perkembangan positif pada September 2013 dengan pertambahan penduduk bekerja seramai 131,300 orang (1.0%) kepada 13.8 juta orang. Pertambahan penduduk bekerja ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Namun, terdapat seramai 443,200 orang penduduk menganggur, meningkat sedikit daripada 441,800 orang (1.4%) pada bulan sebelum. Di samping itu, kadar pengangguran kekal pada paras 3.1 peratus (3.1%) pada September 2013. Kadar pengangguran diperhatikan lebih rendah 0.1 peratus jika dibandingkan dengan catatan pada September 2012 iaitu 3.2 peratus (3.2%).

Pengangguran dalam kalangan siswazah merupakan satu pembaziran, khususnya kepada negara kerana kos pendidikan dan latihan yang ditanggung oleh kerajaan amatlah tinggi dan tempoh masa untuk mendapatkan ijazah adalah panjang (Yusof, Ismail & Sidin, 2008). Pekerjaan merupakan suatu aktiviti yang penting dalam kehidupan, dan individu akan berasa puas dengan kehidupannya apabila memiliki sesuatu pekerjaan yang tetap serta terjamin. Malah, pekerjaan dapat memperlihatkan status masyarakat, tahap ekonomi dan pendapatan serta taraf hidup seseorang individu. Menurut Abdullah (2001), kebanyakan siswazah yang menganggur ini bukannya kerana tidak mendapat pekerjaan atau tidak menerima sebarang tawaran pekerjaan tetapi mungkin tugas yang ditawarkan tidak bersesuaian dengan mereka.

Kebanyakan siswazah masih mencari pekerjaan lain yang mana tawaran pekerjaan yang diterima dirasakan tidak bersesuaian dengan status mereka sebagai bekas penuntut universiti. Kemajuan yang begitu pesat pastinya melahirkan persaingan yang membawa kepada perubahan-perubahan hidup terutamanya dalam bidang pekerjaan, kekeluargaan dan kehidupan seharian (Yusof, 2013). Oleh yang demikian, memilih dan menentukan dunia pekerjaan di masa kini dan akan datang adalah sangat penting dan signifikan bagi setiap individu. Begitu jugalah dengan pelajar-pelajar, kerana fenomena pemilihan kerjaya atau pekerjaan pasti akan mereka lalui.

Menurut Yusof (2013) lagi, pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan personaliti amat penting dalam menentukan corak hidup masa hadapan. Mereka harus membuat pilihan dan keputusan, seterusnya merancang supaya kerjaya yang akan mereka ceburi kelak dapat memberi kepuasan bekerja semaksimanya agar mereka dapat menjadi pekerja yang produktif dan berkualiti. Oleh itu, kajian ini akan merungkai kesahihan faktor-faktor pemilihan pekerjaan dalam kalangan prasiswazah.

### ***1.1 Objektif Kajian***

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengenalpasti tahap minat dalam mempengaruhi pemilihan pekerjaan di kalangan pelajar prasiswazah.
- Mengenalpasti aspek rakan sebaya dalam mempengaruhi pemilihan pekerjaan di kalangan pelajar prasiswazah.
- Mengenalpasti aspek pengaruh ibu bapa dalam mempengaruhi pemilihan pekerjaan di kalangan pelajar prasiswazah.
- Mengenalpasti aspek bakat dalam mempengaruhi pemilihan pekerjaan di kalangan pelajar prasiswazah.

### ***1.2 Kepentingan Kajian***

Kajian ini dapat membantu pengkaji mengenalpasti faktor-faktor yang dapat mempengaruhi pemilihan pekerjaan di kalangan pelajar prasiswazah iaitu di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Kajian ini juga dapat memberi maklumat mengenai pembolehubah yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan di kalangan pelajar prasiswazah. Oleh yang demikian, adalah penting kepada pengkaji dalam mengenalpasti kekuatan pembolehubah-pembolehubah yang diuji dan mengenalpasti kekuatan pengaruhnya terhadap pemilihan pekerjaan. Bahkan melalui kajian ini pengkaji dapat melihat kecederungan pelajar terhadap sesuatu aspek dan seterusnya boleh memberikan pendedahan yang sewajarnya kepada setiap pelajar. Selain itu, kajian ini berperanan untuk memberi peluang kepada pelajar bagi menyatakan kemahiran yang dimiliki dalam memilih pekerjaan. Justeru itu, secara tidak langsung ia dapat membantu pelajar mengenalpasti minat dan kebolehan diri seterusnya dapat membuat pemilihan kerjaya yang betul. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat dan faedah serta menjadi panduan dan rujukan khususnya di tempat kajian ini dijalankan serta kepada pengkaji yang akan datang.

### **1.3 Limitasi Kajian**

Kajian yang dijalankan ini terbatas dalam beberapa keadaan seperti berikut:

- i. Responden hanya terdiri daripada pelajar prasiswazah Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina sahaja.
- ii. Responden adalah terhad hanya di Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja.
- iii. Tempoh waktu kajian yang dijalankan hanya terhad kepada 14 minggu sahaja.

## **2. Kajian Literatur**

### **2.1 Definisi Istilah**

#### **2.1.1 Kerjaya**

Menurut Kamus Dewan, kerjaya adalah profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah. Menurut Mansor (2012), kerjaya bagi seseorang individu itu adalah untuk menentukan kehidupan mereka pada masa hadapan. Katanya lagi, proses memilih dan merancang kerjaya adalah proses yang terpenting dalam kehidupan seseorang. Manakala Jait, Mohamad dan Mohamed Ramli (2010) pula mengatakan kerjaya adalah satu rangkaian pekerjaan atau pengalaman yang dilakukan oleh seseorang itu dalam jangka masa tertentu bagi menjalankan tanggungjawabnya.

Kerjaya adalah penglibatan secara berterusan dalam sesuatu bidang serta perkembangan dan kemajuan seseorang bagi mencari nafkah atau menyambung kehidupan. Kerja pula ditakrifkan sebagai usaha, pekerjaan, tugas atau sesuatu urusan yang dilakukan dengan perbuatan (Mansor, 2012). Kerjaya bukan sekadar tempoh pekerjaan seseorang, malahan meliputi tempoh persekolahan sehingga seseorang mencapai tempoh persaraan (Super, 1972). Kerjaya juga merupakan keperluan psikologi, ekonomi dan sosial individu dan ini direalisasikan dengan bekerja sehingga berjaya (Che Din, 2002).

#### **2.1.2 Pemilihan Pekerjaan**

Pemilihan pekerjaan merupakan satu proses perkembangan di mana ia bukan hanya satu keputusan tetapi satu siri aktiviti menentukan keputusan dalam tempoh tertentu dan setiap keputusan itu pula mempengaruhi keputusan selanjutnya (Ginzberg, Ginsburg, Axelred & Herma, 1966). Menurut Abdul Ghani dan Ahmad Kamil (2011) pula, pemilihan kerjaya adalah bidang kerja atau jenis-jenis kerjaya yang menjadi pilihan pelajar. Kebanyakan individu keliru dan bertungkus lumus dalam membuat pemilihan kerjaya terutamanya

apabila terpaksa memilih antara pendidikan, vokasional dan pekerjaan pilihan. Golongan muda khususnya, setelah mengalami fasa peralihan daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan sering mengalami kebimbangan (*indecision*), kekeliruan dan tidak dapat memutuskan kerjaya yang mereka inginkan (Vianen et al., 2009).

Selalunya, antara persoalan yang sering kedengaran daripada pelajar-pelajar yang akan menamatkan pelajaran adalah, “Apakah kerja yang akan saya lakukan dan apakah pekerjaan yang dapat saya jawat sekiranya saya memilih jalan kerjaya ini?” dan “adakah saya membuat pilihan yang betul?”. Persoalan-persoalan ini sering berlegar-legar dalam pemikiran pelajar dalam menentukan arah pekerjaan yang akan mereka rasai kelak (Mansor, 2012).

### 3. Kajian Lepas

Berdasarkan pernyataan Abdul Ghani dan Ahmad Kamil (2011), pelajar-pelajar yang memohon memasuki universiti biasanya memilih bidang pengajian yang selaras dengan minat dan kehendak mereka tetapi permasalahan timbul apabila terdapat di antara pelajar yang mengikuti kursus-kursus pengajian di universiti adalah bukan pilihan dan minat utama mereka. Minat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari (Minghat, Selamat & Mohd Rejab, 2010).

Minat pelajar memainkan peranan yang penting kerana ia akan mempengaruhi prestasi kerja seseorang (Mat Jusoh, 2012). Pencapaian yang tinggi akan terhasil apabila seseorang berminat dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Minat akan memotivasikan seseorang individu untuk mencapai sesuatu yang dikehendaki (Yusof, 2013). Minat boleh mempengaruhi individu dalam pemilihan kerjayanya. Dari minat akan datang keazaman untuk menggapai kejayaan (Mat Jusoh, 2012).

Kajian lepas menunjukkan hubungan keakraban dengan rakan sebaya memberikan impak yang positif terhadap pencapaian akademik. Kecemerlangan dan pencapaian keputusan yang baik menjadi contoh dan sebagai motivasi kepada rakan (Mohamad Johdi, Azimah, Hamdan & Ade Sukma, 2011). Kajian mendapati hobi, minat, kegembiraan, kesejahteraan hidup serta pilihan untuk memiliki sesuatu benda pada golongan belia perlu mempunyai persamaan ataupun persetujuan rakan sebaya (Chaplin & John, 2010; Zaharah, 2010). Rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dalam perkembangan tingkahlaku belia (Brown, Bakken, Ameringer & Mahon, 2008). Menurut Kandel (1978) tingkahlaku belia boleh dikenali melalui rakan di sekelilingnya. Rakan sebaya juga menjadi agen sosialisasi untuk perkembangan dan pembentukan tingkah laku dalam gaya hidup terkini (Brown, Bakken, Ameringer & Mahon, 2008).

Terdapat kajian yang membuktikan hubungan dengan rakan sebaya memberikan lebih banyak pengaruh negatif, devian dan juga tindakan yang agresif berbanding pengaruh positif (Zahrt & Lange, 2011; Albert & Steinberg, 2011; Brechwald & Prinstein, 2011). Kajian Tomé, Matos, Simões, Camacho dan Diniz (2012) mendapati rakan sebaya mempunyai pengaruh secara langsung serta bertindak sebagai moderator untuk terlibat dalam tingkah laku yang ganas dan negatif. Terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa belia yang mempunyai lebih banyak rakan yang terlibat dengan aktiviti yang berisiko dan juga tingkahlaku yang negatif lebih terpengaruh untuk turut sama terlibat (Glaser, Shelton & Bree, 2010).


Seperti yang kita ketahui kebanyakan individu di Malaysia amat mementingkan nilai kekeluargaan. Tambahan pula kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 26 tahun ke bawah. Oleh itu, sedikit sebanyak setiap keputusan yang akan dibuat akan dibincang bersama dengan ahli keluarga. Menurut Rosliana (2004), didikan ibubapa merupakan salah satu faktor

yang mempengaruhi tahap harga diri seseorang. Ini jelas menunjukkan ibubapa mampu mempengaruhi seseorang individu dalam membuat sesuatu keputusan termasuk keputusan dalam memilih kerjayanya.

Faktor ini telah ditegaskan oleh Khairani S. (2012) bahawa ibu bapa yang bekerja sebagai guru boleh mempengaruhi secara langsung anak-anak mereka untuk memilih bidang kerjaya yang sama dan dapatan ini menguatkan lagi kepentingan pengaruh ibubapa terhadap anak-anak. Penyelidik berpendapat bahawa faktor dorongan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada alihan kerjaya. Ini kerana pendorong merupakan orang yang rapat dan mampu mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan ke arah pemilihan kerjaya.

Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Downe (2012), pengurusan bakat dalam kalangan pekerja melahirkan individu atau pekerja yang mempunyai kriteria-kriteria yang memenuhi kehendak industri itu sendiri. Antaranya ialah melahirkan pekerja yang mempunyai kecekapan dalam komunikasi, teknologi maklumat dan perhubungan pengurusan pelanggan. Di samping itu, hasil kajian beliau menunjukkan pengurusan bakat dapat meningkatkan motivasi pekerja dan menghasilkan kerja yang lebih berkualiti. Semangat bekerja dalam kumpulan juga amat mudah untuk dipraktikkan dan segala masalah dapat diselesaikan dengan cara yang mudah.

Kajian yang dijalankan oleh Wheelock (2010), pula menunjukkan bahawa kualiti kerja adalah berhubung secara langsung dengan "*talent management*". Menurut pandangan beliau, elemen ini penting sebagai jalan untuk membangunkan bakal pemimpin yang dilahirkan dalam sesebuah organisasi. Kriteria terpenting yang digariskan oleh beliau ialah dari segi pendidikan dan pengalaman yang diperlukan. Selain itu, dengan pengurusan bakat ini akan melahirkan individu yang mempunyai bakat dalam kepimpinan dan pengurusan diri dan organisasi.



RAJAH 1. Kerangka Konsep

#### 4. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar. Kajian ini berbentuk kuantitatif, justeru itu data kajian yang berbentuk kuantitatif boleh diukur melalui proses pengukuran dan maklumat atau data yang diperoleh dari instrumen yang dibentuk. Kajian kuantitatif ini bermatlamat untuk mendapatkan maklum balas secara langsung dan maklumat-maklumat yang diperlukan daripada responden yang terlibat dalam menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini dapat memberi faedah kepada kajian di mana ianya dapat menghasilkan satu penemuan yang dipercayai dan sah. Melalui kaedah ini, data dapat diinterpretasikan dengan mudah dan cepat serta dapat mengurangkan masa pemprosesan dan penganalisan data dengan menggunakan medium teknologi iaitu komputer. Di samping itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menilai tahap persediaan bakal praxiswazah dalam menghadapi dunia kerjaya yang sebenar.

Dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Semua pertanyaan yang dikemukakan dalam set borang soal-selidik kajian ini telah diubahsuai dan berdasarkan sumber kajian beberapa penyelidik dan buku berkaitan. Bahagian A soal-selidik mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan aspek demografi atau dikenali sebagai soalan berkenaan maklumat responden seperti jantina, umur, kursus pengajian dan jenis pembiayaan pengajian. Maklumat yang diperolehi dalam bahagian ini membolehkan proses membuat kesimpulan yang lebih wajar dan bersesuaian dibuat. Setiap maklumat demografi ini adalah berkepentingan kepada kajian.

Bahagian B soal-selidik mengandungi kenyataan-kenyataan yang berkaitan dengan persoalan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Manakala Bahagian C soal-selidik menyentuh mengenai soalan-soalan berkaitan dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar. Matlamat utama kajian adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan dalam memilih sesuatu kerjaya atau pekerjaan. Faktor minat, faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor bakat turut dinyatakan sebagai item-item di dalam soalan soal selidik tersebut.

Sebanyak 104 borang soal-selidik diedarkan secara 'online' kepada pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penganalisan data bagi borang soal-selidik ini adalah dengan menggunakan kaedah kekerapan iaitu dengan mengira berapa kerap sesuatu soalan itu dijawab oleh responden menggunakan program Microsoft Excel dan dieksport ke program "Statistical Package for Social Science" (SPSS) untuk analisis seterusnya. Analisis statistik dijalankan atas data bagi mengenalpasti kepentingan untuk setiap faktor dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya. Bagi menjawab sama ada terdapat perbezaan dalam faktor-faktor pemilihan kerjaya di antara kumpulan demografi, analisis ANOVA digunakan.

Hipotesis yang relevan ialah:

- H1: Wujud hubungan antara faktor minat yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.
- H2: Wujud hubungan antara faktor keluarga yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.
- H3: Wujud hubungan antara faktor rakan sebaya yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.
- H4: Wujud hubungan antara faktor bakat yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.

JADUAL 1. Demografi Responden

| No | Profil  | Keterangan      | Kekerapan  | Peratusan (%) | Peratusan<br>Terkumpul<br>(%) |
|----|---------|-----------------|------------|---------------|-------------------------------|
| 1. | Jantina | Lelaki          | 26         | 25            | 25                            |
|    |         | Perempuan       | 78         | 75            | 100                           |
|    |         | <b>Jumlah</b>   | <b>104</b> | <b>100</b>    |                               |
| 2. | Umur    | Bawah 20 Tahun  | 7          | 6             | 6                             |
|    |         | 21-24 Tahun     | 87         | 84            | 90                            |
|    |         | 25 Tahun Keatas | 10         | 10            | 100                           |
|    |         | <b>Jumlah</b>   | <b>104</b> | <b>100</b>    |                               |

|    |                            |                                      |            |            |     |
|----|----------------------------|--------------------------------------|------------|------------|-----|
| 3. | Kursus Pengajian           | Sains Seni Bina                      | 13         | 12         | 12  |
|    |                            | Kejuruteraan Awam                    | 19         | 18         | 30  |
|    |                            | Kejuruteraan Awam Struktur           | 7          | 6          | 36  |
|    |                            | Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik | 11         | 11         | 47  |
|    |                            | Kejuruteraan Kimia                   | 14         | 14         | 61  |
|    |                            | Kejuruteraan Mekanikal               | 12         | 12         | 73  |
|    |                            | Kejuruteraan Elektronik              | 28         | 27         | 100 |
|    |                            | <b>Jumlah</b>                        | <b>104</b> | <b>100</b> |     |
|    |                            | <hr/>                                |            |            |     |
| 4. | Jenis Pembiayaan Pengajian | PTPTN                                | 49         | 47         | 47  |
|    |                            | JPA                                  | 11         | 11         | 58  |
|    |                            | MARA                                 | 5          | 4          | 62  |
|    |                            | Persendirian                         | 28         | 27         | 89  |
|    |                            | Lain-lain                            | 11         | 11         | 100 |
|    |                            | <b>Jumlah</b>                        | <b>104</b> | <b>100</b> |     |

## 5. Analisis Dapatan Kajian

Bab ini menjelaskan lagi dengan lebih lanjut mengenai setiap keputusan kajian yang diperoleh dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini melibatkan 104 responden. Pada bahagian pertama, bab ini membincangkan hasil dapatan berkaitan dengan demografi responden seperti umur, jantina, kursus pengajian dan jenis pembiayaan pengajian.

Pada bahagian kedua pula membincangkan hasil dapatan berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya yang merangkumi faktor-faktor seperti faktor minat, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor bakat. Manakala, hasil dapatan di bahagian ketiga pula membincangkan mengenai pemilihan kerjaya di mana yang membawa kepada faktor dalam pemilihan kerjaya. Analisis di setiap bahagian ini akan disertakan dengan jadual bagi memudahkan penyampaian data.

### 5.1 Demografi Responden

Berdasarkan jadual 1 di atas, seramai 75% adalah responden daripada pelajar perempuan. Manakala seramai 25% adalah responden daripada kalangan pelajar lelaki. Sebanyak 104 borang soal-selidik yang diedarkan dan setiap responden mewakili setiap pelajar di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, UKM.

Peratusan responden pada jadual, majoriti pelajar terdiri daripada yang berumur antara 21-24 tahun sebanyak 84%, 25 tahun ke atas sebanyak 10% dan seterusnya bawah 20 tahun sebanyak 6%. Hal ini dapat dilihat majoriti pelajar yang menjawab soal-selidik terdiri daripada pelajar tahun satu, dua dan tiga yang berumur dalam lingkungan bawah 20-25 tahun.

Berdasarkan jadual di atas, dapat kita lihat peratus responden yang paling tinggi adalah di kalangan pelajar yang mengambil kursus pengajian kejuruteraan elektronik iaitu 27%, pelajar dari kursus pengajian kejuruteraan awam sebanyak 18%, pelajar dari kursus pengajian kejuruteraan kimia sebanyak 14%, pelajar dari kursus pengajian kejuruteraan mekanikal dan pelajar kursus pengajian sains seni bina adalah sama iaitu 12%, seterusnya adalah pelajar kursus pengajian kejuruteraan elektrik dan elektronik sebanyak 11%, dan paling rendah adalah dari pelajar kursus pengajian kejuruteraan awam struktur iaitu sebanyak 6%. Peratusan yang berbeza ini disebabkan oleh kekangan masa dalam pengedaran borang soalan soal-selidik serta penglibatan pelajar itu sendiri yang ingin menjawab borang soalan soal-selidik tersebut.

Berdasarkan jadual di atas, majoriti responden terdiri daripada pelajar yang mendapat tajaan pembiayaan pengajian daripada PTPTN sebanyak 47%, manakala diikuti dengan pelajar dari pembiayaan pengajian secara persendirian sebanyak 27%, pembiayaan pengajian daripada JPA dan lain-lain adalah sama iaitu sebanyak 11% dan hanya 4% dari jenis pembiayaan MARA.

JADUAL 2. Analisis Kebolehpercayaan

| Pemboleh ubah       | Cronbach Alpha | Bil. Item |
|---------------------|----------------|-----------|
| Faktor Minat        | 0.697          | 5         |
| Faktor Keluarga     | 0.810          | 5         |
| Faktor Rakan Sebaya | 0.873          | 5         |
| Faktor Bakat        | 0.848          | 5         |
| Pemilihan Kerjaya   | 0.688          | 6         |

## 5.2 Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 2 menunjukkan analisis kebolehpercayaan pembolehubah yang diuji iaitu Faktor Minat, Faktor Keluarga, Faktor Rakan Sebaya, Faktor Bakat dan juga Pemilihan Pekerjaan. Analisis kebolehpercayaan adalah merupakan analisis yang mengukur nilai reliabiliti pembolehubah yang digunakan dalam soal-selidik di mana ia ditentukan oleh nilai alfa. Nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.70 adalah dianggap rendah, nilai alfa antara 0.70 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik.

Hal ini kerana menurut Arsaythamby Veloo dan Rosna Awang Hashim (2009), setiap cronbach  $\alpha$  yang lebih daripada 0.7 adalah menepati syarat kebolehpercayaan. Namun, terdapat juga pendapat yang nilai kepercayaan mempunyai pengkelasan ujian yang berbeza. Di mana <0.20 adalah tidak baik, 0.21-0.40 adalah kurang baik. 0.41-0.60 adalah sederhana baik, 0.61-0.80 adalah baik dan 0.81-1.00 adalah sangat baik. Daripada jadual di atas, dapat dilihat yang hasil ujian kebolehpercayaan terhadap semua skala pembolehubah adalah dalam kelas baik dan sangat baik. Di mana Cronbach Alpha pemilihan kerjaya = 0.688 dan faktor minat = 0.697 adalah hasil ujian pada tahap baik. Manakala faktor keluarga = 0.810, faktor rakan sebaya = 0.873 dan faktor bakat = 0.848 adalah hasil ujian pada tahap sangat baik.

Secara keseluruhannya, pengkaji berjaya untuk mendapatkan ujian kebolehpercayaan terhadap ke semua pembolehubah pada tahap yang baik dan sangat baik bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## 5.3 Analisis Deskriptif

### 5.3.1 Faktor Minat

Min dan sisihan piawai untuk faktor minat yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dikumpul dan dilaporkan dalam jadual 3. Jumlah purata min ialah 3.90-4.48. Kajian ini menggunakan kaedah skala Likert di mana 1 adalah sangat tidak setuju, 2 adalah tidak setuju, 3 adalah tidak pasti, 4 adalah setuju dan 5 adalah sangat setuju.

Berdasarkan purata min tersebut, boleh disimpulkan bahawa responden dalam keadaan sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju mengenai faktor minat mempengaruhi pemilihan kerjaya. Antara skor tertinggi ialah 4.48 dengan



soalannya ialah “Saya perlu memilih pekerjaan yang dapat memberikan keseronokan dalam menjalankan kerja”. Hal ini menunjukkan yang responden bersetuju bahawa untuk memilih sesuatu pekerjaan itu haruslah dengan memilih pekerjaan yang mampu memberikan keseronokan dalam menjalankan kerja. Manakala, item yang memperoleh skor yang rendah ialah 3.90, dengan soalnya “Kerjaya dalam bidang yang akan dipilih merupakan cita-cita saya”. Untuk sisihan piawai paling tinggi pula ialah 1.000, iaitu “Kerjaya dalam bidang yang akan dipilih merupakan cita-cita saya”, dan sisihan piawai paling rendah ialah 0.668 dengan soalan “Saya perlu memilih pekerjaan yang dapat memberikan keseronokan dalam menjalankan kerja”.

### 5.3.2 Faktor Rakan Sebaya

Jadual 4 menunjukkan faktor rakan sebaya yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Jumlah purata min adalah di antara 2.23-3.06. Item yang memiliki min yang paling tinggi ialah “Rakan sebaya banyak membantu dalam membuat pemilihan pekerjaan”, yang berjumlah 3.06. Manakala nilai min yang paling rendah ialah 2.23 pada item “Saya tidak boleh bekerja tanpa dikelilingi rakan-rakan yang saya kenali”, ini menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju bahawa responden tidak boleh bekerja tanpa dikelilingi rakan-rakan yang mereka kenali. Bagi sisihan piawaian yang tertinggi ialah pada item “Rakan sebaya banyak membantu dalam membuat pemilihan pekerjaan”, berjumlah 1.184 dan sisihan piawai yang paling rendah pada item “Saya bergantung kepada rakan sebaya dalam memilih pekerjaan”, yang berjumlah 1.002.

JADUAL 3. Faktor Minat yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya

|   | N   | Min  | Sisihan Piawai |
|---|-----|------|----------------|
| Saya perlu memilih pekerjaan yang sesuai dengan watak dan kebolehan saya.               | 104 | 4.14 | 0.829          |
| Saya perlu memilih pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang saya.                       | 104 | 3.91 | 0.966          |
| Saya amat meminati bidang kerjaya yang saya ceburi.                                     | 104 | 4.09 | 0.769          |
| Saya perlu memilih pekerjaan yang dapat memberikan keseronokan dalam menjalankan kerja. | 104 | 4.48 | 0.668          |
| Kerjaya dalam bidang yang akan dipilih merupakan cita-cita saya.                        | 104 | 3.90 | 1.000          |

### 5.3.3 Faktor Keluarga

Berdasarkan jadual 5 faktor keluarga yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Jumlah purata min adalah di antara 2.91 hingga 4.14. Min skor yang paling tinggi ialah “Keluarga mempercayai dengan pemilihan kerjaya saya” yang berjumlah 4.14. Hal ini menunjukkan item ini adalah positif terhadap responden di mana responden bersetuju bahawa keluarga memberikan kepercayaan dengan pemilihan kerjaya responden. Manakala, min skor yang paling rendah ialah pada soalan “Saya cenderung memilih bidang yang sama seperti yang diceburi oleh keluarga saya” yang berjumlah 2.91. Hal ini menunjukkan bahawa yang responden sangat tidak bersetuju dengan soalan ini. Ini bermakna pemilihan pekerjaan oleh responden adalah tidak cenderung dalam memilih bidang yang sama seperti yang diceburi oleh keluarga mereka. Bagi sisihan piawaian yang tertinggi ialah pada item “Saya cenderung memilih bidang yang sama seperti yang diceburi oleh keluarga saya” iaitu 1.191 dan sisihan

piawaian yang paling rendah ialah “Keluarga mempercayai dengan pemilihan kerjaya saya” iaitu 0.755.

### 5.3.4 Faktor Bakat

Jadual 6 menunjukkan faktor bakat yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Jumlah purata min adalah di antara 3.78 hingga 4.01. Item yang memiliki min yang paling tinggi ialah “Saya mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik untuk melaksanakan kerjaya saya”, yang berjumlah 4.01. Manakala nilai min yang paling rendah ialah 3.78 pada item “Saya mempunyai personaliti yang sesuai dengan kerjaya saya”, ini menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju bahawa responden tidak mempunyai personaliti yang sesuai dengan kerjaya yang mereka ceburi. Bagi sisihan piawaian yang tertinggi ialah pada item “Saya tidak suka bertindak mengikut emosi ketika bekerja”, berjumlah 0.944 dan sisihan piawai yang paling rendah pada item “Saya mempunyai personaliti yang sesuai dengan kerjaya saya”, yang berjumlah 0.771.

### 5.3.5 Pemilihan Pekerjaan

Jadual 7 menunjukkan tentang pemilihan pekerjaan pelajar. Jumlah purata min adalah di antara 3.75 hingga 4.32. Item yang memiliki min yang paling tinggi ialah “Nilai keagamaan seperti halal dan haram mempengaruhi saya untuk memilih sesuatu bidang pekerjaan”, yang berjumlah 4.32. Hal ini menunjukkan bahawa responden mengambil berat mengenai halal dan haram dalam pemilihan kerjaya. Manakala nilai min yang paling rendah ialah 3.75 pada item “Saya tidak memilih kerjaya asalkan saya mempunyai pekerjaan”. Bagi sisihan piawaian yang tertinggi ialah pada item “Saya percaya pemilihan kerjaya yang dipilih mencorakkan diri saya”, berjumlah 1.052 dan sisihan piawai yang paling rendah pada item “Saya perlu membuat keputusan memilih kerja dengan baik kerana ianya mempengaruhi masa depan saya”, yang berjumlah 0.686.

## 5.4 Analisis Korelasi Pearson

Korelasi adalah teknik statistik yang digunakan untuk mengukur kekuatan hubungan di antara dua pemboleh ubah dan mengetahui bentuk hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut. Namun ujian ini tidak menentukan arah hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pekali korelasi mempunyai dua unsure iaitu tanda dan nilai pekali korelasi. Unsur tanda terbahagi kepada dua iaitu tanda positif dan negatif. Tanda positif (+), menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah bergerak ke arah yang sama iaitu mempunyai hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah. Manakala pekali bertanda negatif (-), menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah tidak mempunyai hubungan. Unsur kedua adalah nilai pekali korelasi ( $r$ ), mentafsirkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah. Nilai pekali korelasi adalah antara 0.00 dan +1.00 atau -1.00. Analisis nilai pekali korelasi dalam kajian ini berpandukan kepada peraturan Guildford (Marsidi, Asri, Latip & Hamrila, 2007).

JADUAL 4. Faktor Rakan Sebaya yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya

|   | N   | Min  | Sisihan Piawai |
|---|-----|------|----------------|
| Saya bergantung kepada rakan sebaya dalam memilih pekerjaan.        | 104 | 2.25 | 1.002          |
| Saya bertambah yakin jika memilih pekerjaan yang sama dengan rakan. | 104 | 2.71 | 1.103          |

|   |     |      |       |
|---|-----|------|-------|
| Saya tidak dapat membuat keputusan pemilihan pekerjaan tanpa bantuan rakan-rakan. | 104 | 2.44 | 1.139 |
| Saya tidak boleh bekerja tanpa dikelilingi rakan-rakan yang saya kenali.          | 104 | 2.23 | 1.090 |
| Rakan sebaya banyak membantu dalam membuat pemilihan pekerjaan.                   | 104 | 3.06 | 1.184 |

---

Analisis korelasi Pearson yang ditunjukkan dalam jadual 8. Hasil kajian menunjukkan bahawa korelasi Bivariat di antara pemboleh ubah bersandar, iaitu pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar dengan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu (1) faktor minat (2) faktor rakan sebaya (3) faktor keluarga (4) faktor bakat dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah signifikan bagi semua faktor iaitu faktor minat, faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor bakat di mana bernilai positif dan masing-masing mendapat 0.48, 0.30, 0.23 dan 0.08. Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan pekerjaan pelajar itu dipengaruhi oleh pemboleh ubah bagi ke semua faktor iaitu faktor minat, faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor bakat.

### 5.5 Analisis Regresi Berbilang

Menurut artikel yang ditulis oleh Anwar Hidayat (2012), analisis regresi linear sederhana adalah salah satu kaedah regresi yang boleh digunakan sebagai alat inferens statistik untuk menentukan kesan pemboleh ubah tidak bersandar pada pemboleh ubah bersandar. Ujian regresi linear sederhana atau regresi linear berbilang pada dasarnya mempunyai beberapa objektif, iaitu kirakan nilai anggaran purata dan nilai pemboleh ubah bergantung berdasarkan nilai pemboleh ubah bebas, Uji hipotesis ketergantungan ciri, dan Ramalkan nilai purata pemboleh ubah bebas berdasarkan nilai pemboleh ubah bebas di luar tempoh sampel.

Dalam kajian ini, berdasarkan empat faktor yang dikemukakan, Faktor Minat, Faktor Keluarga, Faktor Rakan Sebaya dan juga Faktor Sistem Ganjaran, apabila diuji dalam analisis regresi berbilang dengan menggunakan kaedah *stepwise* iaitu bagi mengetahui pemboleh ubah tidak bersandar yang mana mempengaruhi pemboleh ubah bersandar, hasil daripada keputusan hanya menunjukkan Faktor Minat sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu Pemilihan Pekerjaan. Keputusan dapat dilihat berdasarkan jadual 9.

Jadual 10 membuktikan bahawa hanya satu faktor sahaja yang mempunyai hubungan dengan Pemilihan Pekerjaan. Berdasarkan jadual model analisis, nilai pekali bagi Faktor Minat adalah 0.487 dengan kata lain sebanyak 48% keputusan yang dibuat berdasarkan faktor ini memberi kesan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu Pemilihan Pekerjaan.

Secara keseluruhan dapat dilihat nilai Beta bagi Faktor Minat adalah 0.462. Nilai ini menunjukkan faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan pada tahap 0.000, dimana ia merupakan nilai signifikan yang paling baik dan terdapat hubungan yang baik antara kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar ini terhadap pemboleh ubah bersandar. Hasil daripada analisis ini, responden mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap Faktor Minat yang mempengaruhi Pemilihan Pekerjaan mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hanya H1 diterima dan H2, H3 dan H4 ditolak.

JADUAL 5. Faktor Keluarga yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya

|   | <b>N</b> | <b>Min</b> | <b>Sisihan Piawai</b> |
|---|----------|------------|-----------------------|
| Kerjaya yang dipilih atas dorongan dan kehendak keluarga saya.                    | 104      | 3.21       | 1.011                 |
| Keluarga mempercayai dengan pemilihan kerjaya saya.                               | 104      | 4.14       | 0.755                 |
| Kerjaya yang dipilih mendapat bimbingan ahli keluarga.                            | 104      | 3.88       | 0.927                 |
| Kerjaya yang dipilih banyak dipengaruhi oleh ahli keluarga saya.                  | 104      | 3.45       | 1.087                 |
| Saya cenderung memilih bidang yang sama seperti yang diceburi oleh keluarga saya. | 104      | 2.91       | 1.191                 |

JADUAL 6. Faktor Bakat yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya

|   | <b>N</b> | <b>Min</b> | <b>Sisihan Piawai</b> |
|---|----------|------------|-----------------------|
| Saya mempunyai personaliti yang sesuai dengan kerjaya saya.                       | 104      | 3.78       | 0.771                 |
| Saya mempunyai sifat sabar untuk berhadapan dengan pelanggan saya.                | 104      | 3.95       | 0.828                 |
| Saya mempunyai kebolehan untuk meyakinkan orang lain.                             | 104      | 3.85       | 0.896                 |
| Saya tidak suka bertindak mengikut emosi ketika bekerja.                          | 104      | 3.89       | 0.944                 |
| Saya mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik untuk melaksanakan kerjaya saya. | 104      | 4.01       | 0.775                 |

JADUAL 7. Pemilihan Pekerjaan

|   | <b>N</b> | <b>Min</b> | <b>Sisihan Piawai</b> |
|---|----------|------------|-----------------------|
| Saya tidak memilih kerjaya asalkan saya mempunyai pekerjaan.                                      | 104      | 3.75       | 0.950                 |
| Saya percaya pemilihan kerjaya secara terpaksa akan menimbulkan masalah.                          | 104      | 4.22       | 0.749                 |
| Saya perlu membuat keputusan memilih kerja dengan baik kerana ianya mempengaruhi masa depan saya. | 104      | 4.31       | 0.686                 |
| Nilai kepuasan material seperti gaji mempengaruhi saya untuk memilih sesuatu kerjaya.             | 104      | 4.08       | 0.837                 |

|   |     |      |       |
|---|-----|------|-------|
| Nilai keagamaan seperti halal dan haram mempengaruhi saya untuk memilih sesuatu bidang pekerjaan. | 104 | 4.32 | 0.918 |
| Saya percaya pemilihan kerjaya yang dipilih mencorakkan diri saya.                                | 104 | 3.86 | 1.052 |

JADUAL 8. Jumlah Purata Min Dan Sisihan Piawai Pembolehubah Secara Keseluruhan

|                     | N   | Min  | Sisihan Piawai |
|---------------------|-----|------|----------------|
| Faktor Minat        | 104 | 4.10 | 0.575          |
| Faktor Rakan Sebaya | 104 | 2.54 | 0.900          |
| Faktor Keluarga     | 104 | 3.52 | 0.758          |
| Faktor Bakat        | 104 | 3.90 | 0.667          |
| Pemilihan Pekerjaan | 104 | 4.09 | 0.546          |

JADUAL 9. Jadual Analisis Korelasi

|                     |                                     | Minat  | Rakan Sebaya | Keluarga | Bakat  | Pemilihan Pekerjaan |
|---------------------|-------------------------------------|--------|--------------|----------|--------|---------------------|
| Minat               | Pearson Correlation Sig. (2-tailed) | 1      | .347**       | .370**   | .333** | .487**              |
|                     | N                                   | 104    | 104          | 104      | 104    | 104                 |
|                     |                                     |        | .000         | .000     | .001   | .000                |
| Rakan Sebaya        | Pearson Correlation Sig. (2-tailed) | .347** | 1            | .186     | -.078  | .308**              |
|                     | N                                   | 104    | 104          | 104      | 104    | 104                 |
|                     |                                     |        | .000         | .058     | .433   | .001                |
| Keluarga            | Pearson Correlation Sig. (2-tailed) | .370** | .186         | 1        | .172   | .231*               |
|                     | N                                   | 104    | 104          | 104      | 104    | 104                 |
|                     |                                     |        | .000         | .058     | .081   | .018                |
| Bakat               | Pearson Correlation Sig. (2-tailed) | .333** | -.078        | .172     | 1      | .083                |
|                     | N                                   | 104    | 104          | 104      | 104    | 104                 |
|                     |                                     |        | .001         | .433     | .081   | .403                |
| Pemilihan Pekerjaan | Pearson Correlation Sig. (2-tailed) | .487** | .308**       | .231*    | .083   | 1                   |
|                     | N                                   | 104    | 104          | 104      | 104    | 104                 |
|                     |                                     |        | .000         | .001     | .018   | .403                |

JADUAL 10. Model Analisis Regresi Faktor Minat dan Pemilihan Pekerjaan

| Model | R                  | R Square | Adjusted R Square | Std. Error of the Estimate | Change Statistics |          |     |     |               |
|-------|--------------------|----------|-------------------|----------------------------|-------------------|----------|-----|-----|---------------|
|       |                    |          |                   |                            | R Square Change   | F Change | df1 | df2 | Sig. F Change |
| 1     | 0.487 <sup>a</sup> | 0.237    | 0.229             | 0.47973                    | 0.237             | 31.659   | 1   | 102 | 0.000         |

a. Predictors: (Constant), FAKTOR MINAT

b. Dependent Variable: PEMILIHAN PEKERJAAN

JADUAL 11. Pekali Analisis Regresi Berbilang

| Model |             | Pekali Tidak Diselaraskan |            | Pekali Diselaraskan |  | T     | Sig.  |
|-------|-------------|---------------------------|------------|---------------------|--|-------|-------|
|       |             | B                         | Std. Error | Beta                |  |       |       |
| 1     | (Constant)  | 2.197                     | 0.341      |                     |  | 6.445 | 0.000 |
|       | FAKTORMINAT | 0.462                     | 0.082      | 0.487               |  | 5.627 | 0.000 |

a. Dependent Variable: PEMILIHAN PEKERJAAN

JADUAL 12. Jadual Anova Analisis Regresi Berbilang

| Model |            | Sum of Squares | df  | Mean Square | F      | Sig.               |
|-------|------------|----------------|-----|-------------|--------|--------------------|
| 1     | Regression | 7.286          | 1   | 7.286       | 31.659 | 0.000 <sup>b</sup> |
|       | Residual   | 23.475         | 102 | 0.230       |        |                    |
|       | Total      | 30.761         | 103 |             |        |                    |

a. Dependent Variable: PEMILIHAN PEKERJAAN

b. Predictors: (Constant), FAKTOR MINAT

## 6. Kesimpulan dan Cadangan

Kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia ini menggunakan soal-selidik yang diedarkan kepada 104 orang responden yang mendorong kepada faktor-faktor kepada pemilihan kerjaya dalam kalangan mereka.

Instrumen kajian yang digunakan ialah berbentuk soal-selidik yang menggunakan Skala Likert. Bagi mengetahui mengenai kadar peratusan dan min hasil kajian yang dijalankan, data-data mentah yang dikutip direkodkan menggunakan program Microsoft Excel dan dieksport ke program “*Statistical Package for Scocial Science*” (SPSS). Terdapat tiga bahagian yang terkandung di dalam borang soal-selidik, iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A mengandungi maklumat seperti demografi responden, bahagian B mengandungi elemen faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Akhir sekali bahagian C mengandungi elemen yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar.

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan keputusan berpihak kepada Faktor Minat sahaja. Walaupun dalam analisis korelasi pearson menunjukkan Faktor Minat, Faktor Rakan Sebaya, Faktor Keluarga dan juga Faktor Bakat membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan dengan pembolehubah bersandar iaitu Pemilihan Pekerjaan, namun ianya ditegaskan lagi dalam analisis regresi berbilang di mana hanya Faktor Minat sahaja yang

mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah bersandar.

Secara keseluruhan juga dapat dilihat bahawa jumlah purata min bagi Faktor Minat adalah 4.48. Ini menunjukkan bahawa setiap peningkatan satu unit dalam Faktor Minat akan mempengaruhi 4.48 kali peningkatan dalam Pemilihan Pekerjaan.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan daripada empat faktor yang dikemukakan, hanya satu faktor sahaja yang mempengaruhi Pemilihan Pekerjaan. Pengkaji percaya bahawa Faktor Minat adalah antara faktor yang dipercayai dan diyakini oleh responden.

Berdasarkan analisis regresi, dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar ialah faktor minat sahaja. Faktor minat adalah ianya berpunca dari diri pelajar itu sendiri. Pelajar perlu mengenal pasti minat dengan lebih jelas agar dapat mengetahui kriteria bidang kerjaya yang ingin diceburi. Untuk meningkatkan aspek minat dalam diri pelajar terhadap bidang yang ingin diceburinya, pelajar perlu bergiat secara aktif dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Pihak universiti dan juga fakulti perlu memainkan peranan dengan mengenalpasti minat para pelajar dan menganjurkan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan minat dan bidang kerjaya yang ingin mereka ceburi.

Kajian juga menyarankan supaya warga pendidik iaitu para pensyarah dan bahagian akademik universiti bertindak dengan lebih aktif untuk membantu dalam pemilihan kerjaya yang ingin diceburi di kalangan pelajar mereka. Pensyarah tidak seharusnya hanya menumpukan hanya kepada pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sahaja tanpa menghiraukan potensi dan bidang kerja yang boleh diceburi oleh pelajarannya. Pensyarah seharusnya secara tidak langsung berperanan dalam menjadi kaunselor untuk memberikan nasihat mengenai kerjaya kepada pelajar-pelajarannya. Kajian mendapati majoriti pelajar mahupun bakal graduan telah membuat persiapan bagi menghadapi alam pekerjaan malah mereka juga mengetahui bentuk pekerjaan yang ingin mereka ceburi selepas menamatkan pengajian mereka.

## **7. Kajian Lanjutan**

Sampel kajian hanya melibatkan pelajar prasiswazah dari bidang-bidang di bawah Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh yang demikian, kajian selanjutnya boleh dilakukan dengan meluaskan lagi populasi sampel ke bidang pengajian lain di fakulti lain bagi meninjau perbezaan pola personaliti dan tahap kesedaran kerjaya.

Kajian seterusnya dicadangkan melibatkan kajian di university-universiti lain secara khusus. Selain itu, hasil kajian menyeluruh di semua university mungkin dapat membantu pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memikirkan kaedah yang lebih sesuai dalam memberikan pengetahuan dalam diri pelajar bagi memilih bidang pengajian yang dapat memenuhi pemilihan kerjaya selepas menamatkan pengajian.

## **8. Kesimpulan**

Faktor-faktor pemilihan kerjaya amat penting dalam memilih kerjaya yang ingin diceburi. Selaras dengan peralihan kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan peredaran zaman yang semakin maju, penekanan kini lebih tertumpu kepada pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Pihak industri juga lebih menekankan keutamaan pekerja yang berilmu sebagai aset yang paling berharga.

Justeru itu, golongan siswazah perlu bersiap sedia dengan menitikberatkan segala aspek dalam menghadapi dunia kerjaya yang lebih mencabar dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan keperibadian diri serta memiliki keperluan pihak industri terhadap pekerja masa kini. Hal ini kerana pelajar dianggap sebagai modal insan yang unggul dan berketerampilan untuk menjadi pelapis dan generasi yang berani menyahtu cabaran dunia pada masa kini dan yang bakal mendatang.

## Rujukan

- Abdul Ghani, F., & Ahmad Kamil, N. R. (2011). *Tret Personaliti dan Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Bidang Perguruan di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdullah, N. H. (2001). *Kajian Terhadap Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosial Ekonomi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Albert, D., & Steinberg, L. (2011). Peer Influences on Adolescent Risk Behavior. In M.T. Bardo, D. H. Fishbein, & R. Milich (Eds.). *Inhibitory Control and Drug Abuse Prevention: From Research to Translation*. New York: Springer.  
*Am. J. Sociol.* 84: 427–436.
- Boon, Y., & Ilias, S. Z. M (2011). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*, 1, 22-40/ISSN: 2231-7376
- Brechwald, W. A. & Prinstein, M. J. (2011). Beyond Homophily: A Decade of Advances in Understanding Peer Influence Processes. *Journal of Research on Adolescence*. 21(1): 166–179. doi: 10.1111/j.1532-7795. 2010.00721.x.
- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecological Systems Theory. In: R. Vasta (Eds). *Six Theories of Child Development: Revised Formulations and Current Issues* (187-250). Greenwich, CT: JAI Press.
- Brown, B. B., Bakken, J. P., Ameringer, S. W., & Mahon, M. D. (2008). A Comprehensive Conceptualization of the Peer Influence Process in Adolescence. In M. J. Prinstein and K. A. Dodge (Eds.) *Understanding Peer Influence in Children and Adolescents. Duke Series in Child Development and Public Policy*. New York: Guildford Publications.
- Chaplin, L. N. & John, D. R. (2010). Interpersonal Influences on Adolescent Materialism: A New Look at the Role of Parents and Peers. *Journal of Consumer Psychology*. 20: 176–184.
- Che Din, M. F. (2002). *Pengantar Bimbingan dan Kaunseling*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Durlak, J. A., Weissberg, R. P., & Pachan, M. (2010). A Meta-analysis of After-school Programs that Seek to Promote Personal and Social Skills in Children and Adolescents. *American Journal of Community Psychology*. 45(3–4): 294–309.
- Ghafar, F. F. (2016). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Tesis*



*Ijazah Sarjana Muda.*

- Ginzberg, E., Ginsburg, S. W., Axelred, S. & Herma, J. L. (1966). *Occupational Choice: An Approach To A General Theory*. New York and London: Columbia University Press.
- Glaser, B., Shelton, H. K., & Bree, M. (2010). The Moderating Role of Close Friends in the Relationship Between Conduct Problems and Adolescent Substance Use. *Journal of Adolescent Health*. 47: 35–42. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jadohealth.2009.12.022>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2013). *Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia, September 2013*. Pejabat Ketua Perangkawan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jait, K. A., Mohamad, R., & Mohamed Ramli, M. J. (2010). *Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Perbandingan Berdasarkan Etnik, Jantina dan Persekitaran Tempat Tinggal*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Kertas Kerja Program Sarjana Bimbingan & Kaunseling.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Belia*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- John Azzara. (2007). *Identifying High Potential Employees*. People Talent Solution Corporation
- Michaels, E., Handfield-Jones, H. and Axelrod, B. (2001) *The War for Talent*, Boston, Harvard Business School Press.
- Kandel, D. B. (1978). Homophily, Selection and Socialization in Adolescent Friendships.
- Mansor, N. (2012). *Kebekesanan Perkhidmatan Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya dalam Membantu Kerjaya Pelajar Politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Marsidi, Asri & Latip, Hamrila. (2007). Faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen pekerja di organisasi awam. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Mat Jusoh, N. (2012). *Keperluan Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat SMV dalam Pemilihan Kerjaya*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Minghat, A. D., & Mansor, N. Z. (2010). *Pemilihan Bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik sebagai Pembentukan Awal Kerjaya di Sekolah Menengah Teknik Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohamad Johdi Salleh, Azimah Mohamed, Hamdan Mohamed & Ade Sukma Kamarudin. (2011). Peer Influences in Academic Achievements and Behaviours among Students of MARA Junior Science College, Malaysia. Seminar Kebangsaan Kaunseling Silang Budaya. Kaunseling Merentas Kepelbagaian Budaya Membentuk 1-Malaysia. Organier: PERKAMA–Persatuan Kaunseling Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak. 24–25 May 2011. Kota Samarahan: Central for Teaching Facilities, UNIMAS Sarawak.
- Mohamad, M. K. (2012). *Pengaruh Minat Terhadap Prestasi Pelajar Program Diploma Kemahiran Mara*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- S. Fegley. (2006). *Strategic HR Management Survey Report* (Alexandria, VA : SHRM, 2006)
- S. Khairani (2012). *Alihan Kerjaya Pekerja Bidang Teknikal Kepada Bidang Pendidikan Dalam Kalangan Pengajar Mtun*
- S. Zarina, Azman I. (2013). *Kaitan Antara Latihan Pengurusan Bakat dengan Prestasi Kerja dalam Sektor Perbankan Islam*. Selangor: Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Business*, Canada.
- Sekaran, Uma dan Bougie, Roger. (2010). *Research Methods for Business-A Skill Building Approach-5th Edition*. United Kingdom: John Wiley&Sons Ltd.
- Suhaila Nadzri, N. A., & Nor Suhaily Bakar, N. A. (2015). *Faktor Keluarga, Ganjaran dan Kesukaran Memperolehi Pekerjaan Mempengaruhi Kerjaya yang Diceburi Alumni*

- KUIS. Selangor: Fakulti Pengurusan & Muamalah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Super, D. E. (1972). *The Psychology of Career*. New York: Harper and Row.
- Tomé, G., Matos, M. G., Simões, C., Camacho, I., & Diniz, J. A. (2012). How Can Peer Group Influence the Behavior of Adolescents: Explanatory Model. *Global Journal of Health Science*. 4(2): 26–35. doi:10.5539/gjhs.V4n2p26.
- Veloo, Arsaythamby & Awang-Hashim, Rosna. (2009). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Ukur Orientasi Pembelajaran Matematik. *International Journal of Knowledge Management Studies*. 16. 57-73.
- Veronika V. (2006). *Family Background, Occupational Choice and Intergenerational Income Mobility - Germany and the United States Compared*.
- Vianen, A. E. M., De Peter, I. E., & Preenen, P. T. Y. (2009). Adaptable Careers: Maximizing Less and Exploring More. *The Career Development Quarterly*, 57.
- Yusof, Y. (2013). *Faktor Pemilihan Kerjaya Kejuruteraan dalam Kalangan Pelajar Wanita Pelbagai Jenis Personaliti di Politeknik Negeri Kedah*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Yussof, I., Ismail, R., & Sidin, R. (2008). Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM. *Akademika*, 3-24.
- Zaharah Ghazali. (2010). The Influence of Socialization Agents and Demographic Profiles on Brand Consciousness. *International Journal of Management and Marketing Research*. 4(1): 19–29.
- Zahrt, D. M. & Lange, M. D. (2011). Aggressive Behavior in Children and Adolescents. *Pediatrics in Review*. 32, 325, doi: 10.1542/pir.32-8-325.
- Zaib, Z. (2014). *Pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan 6 atas di sekolah menengah kluster di Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).